



Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
LANSKAP PENAWARAN PEKERJAAN DI MALAYSIA
BAGI SUKU PERTAMA 2022

KEKOSONGAN JAWATAN YANG DIIKLANKAN DALAM TALIAN MELONJAK
76.4 PERATUS BAGI SUKU PERTAMA 2022

PUTRAJAYA, 31 MEI 2022 - Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menyampaikan Analisis Data Raya *Job Market Insights* dan *My Job Profile: Lanskap Penawaran Pekerjaan di Malaysia*, bagi suku pertama 2022. Analisis yang dikeluarkan secara suku tahunan ini, memaparkan statistik yang disusun berdasarkan kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian oleh beberapa portal pekerjaan swasta yang popular. Analisis ini juga menyediakan maklumat kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh majikan secara dalam talian daripada pelbagai aspek seperti jenis pekerjaan, profil pekerjaan, lokasi, industri, kemahiran, bidang pengajian dan lain-lain.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Keseluruhan analisis data raya ini menunjukkan peningkatan tawaran kekosongan jawatan diiklankan dalam talian bermula pada suku ketiga 2020. Pada suku pertama 2020, sebanyak 49,372 jawatan kosong telah diiklankan. Manakala, pada suku pertama 2021 jawatan kosong yang diiklankan telah bertambah kepada 90,218 (82.7 peratus) dan **melonjak naik kepada 159,148 (76.4 peratus) pada suku pertama 2022**. Walau bagaimanapun, jumlah kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian bagi suku pertama 2022 menurun 16.4 peratus berbanding 190,436 pada suku keempat 2021. Pada asas bulanan suku pertama 2022, bilangan jawatan kosong yang diiklankan dalam talian adalah tertinggi pada bulan Februari 2022 iaitu sebanyak 67,172 kekosongan. Manakala bagi bulan Januari dan Mac, masing-masing berjumlah 48,924 dan 43,052 kekosongan".

Mengulas lanjut mengenai analisis data raya ini, Ketua Perangkawan turut menyatakan, "Pada suku pertama 2022, sebahagian besar majikan memerlukan pekerja dalam kategori Profesional (44.9 peratus) diikuti Juruteknik dan Profesional Bersekutu (17.7 peratus) dan Pengurus (11.3 peratus). Mengikut susunan, lima (5) pekerjaan paling popular yang ditawarkan dalam tempoh rujukan adalah Profesional Pengiklanan dan Pemasaran, Profesional Bersekutu Pentadbiran, Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif, Akauntan dan Juruaudit dan Pembangun Perisian".

Sementara itu daripada perspektif ekonomi pula, sektor Perdagangan Borong dan Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal menjadi sektor utama yang menyumbang kepada penawaran pekerjaan bagi pencari kerja pada suku pertama 2022. Manakala, empat (4) lagi sektor dengan penawaran pekerjaan tertinggi adalah sektor Pembuatan; Aktiviti Profesional, Teknikal dan Saintifik; Aktiviti Kewangan dan Insurans/Takaful serta Aktiviti Penginapan dan Perkhidmatan Makanan dan Minuman.

Ketua Perangkawan juga berkata “Tiga (3) pekerjaan kategori Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) mencatatkan jumlah kekosongan tertinggi pada suku pertama 2022 adalah Profesional Pengiklanan dan Pemasaran, Profesional Bersekutu Pentadbiran dan Pembangun Perisian. Manakala, Profesional Pengiklanan dan Pemasaran, Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif serta Akauntan dan Juruaudit merupakan pekerjaan kategori Senarai Pekerjaan Kritikal (COL) tertinggi yang diiklankan dalam talian semasa tempoh rujukan. Sementara itu, pekerjaan popular yang ditawarkan dalam kategori Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) pula adalah Juruteknik, Pereka Grafik dan Jurutera Perisian”.


Meneliti kepada penawaran jawatan kosong mengikut negeri pada suku pertama 2022, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merekodkan jumlah kekosongan pekerjaan tertinggi pada 42.7 peratus diikuti Selangor (16.9 peratus), Johor (7.3 peratus), Pulau Pinang (3.9 peratus) dan Melaka (1.7 peratus).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin merumuskan, “Analisis terhadap jumlah kekosongan jawatan diiklankan dalam talian pada suku pertama 2022 secara keseluruhan menunjukkan ekonomi masih dalam tempoh pemulihan selaras dengan peralihan fasa pandemik kepada endemik. Dengan peralihan fasa ini, semua sektor ekonomi dan sempadan negara telah dibuka secara berperingkat dan ini diharapkan dapat mengurangkan impak pandemik, memulihkan ekonomi negara dan seterusnya mencipta lebih banyak peluang pekerjaan untuk diisi oleh pencari kerja”.

Analisis data raya ini bermanfaat kepada pengguna terutamanya golongan pencari kerja. Pencari kerja boleh mendapatkan informasi perincian mengenai penawaran pekerjaan diiklankan dalam talian di Malaysia melalui laman sesawang www.dosm.gov.my/bda-jmi dan myjobprofile.dosm.gov.my.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Carta 1: Kekosongan Pekerjaan Diiklankan dalam Talian bagi Suku Ketiga 2019 hingga Suku Pertama 2022



Nota: Statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati disebabkan keterbatasan data analisis data raya (menggunakan kaedah web scraping) dan tidak menggambarkan populasi sebenar kekosongan jawatan.

Carta 2: Kekosongan Pekerjaan Diiklankan dalam Talian Mengikut Kategori Pekerjaan bagi Suku Keempat 2021 dan Suku Pertama 2022




Nota: Statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati disebabkan keterbatasan data analisis data raya (menggunakan kaedah web scraping) dan tidak menggambarkan populasi sebenar kekosongan jawatan.

Rajah 1: Lima Kekosongan Pekerjaan Tertinggi Diiklarkan dalam Talian bagi Kategori STEM, TVET dan COL bagi Suku Pertama 2022



Nota: Statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati disebabkan keterbatasan data analisis data raya (menggunakan kaedah web scraping) dan tidak menggambarkan populasi sebenar kekosongan jawatan.


Rajah 2: Kekosongan Pekerjaan Diiklarkan dalam Talian mengikut Sektor bagi Suku Pertama 2022



* Tidak dikelaskan - 27,528

Nota: Statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati disebabkan keterbatasan data analisis data raya (menggunakan kaedah web scraping) dan tidak menggambarkan populasi sebenar kekosongan jawatan.

Rajah 3: Kekosongan Pekerjaan Diiklankan dalam Talian mengikut Negeri bagi Suku Pertama 2022



Nota: Statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati disebabkan keterbatasan data analisis data raya (menggunakan kaedah web scraping) dan tidak menggambarkan populasi sebenar kekosongan jawatan.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

31 MEI 2022



Department of Statistics
M A L A Y S I A

MEDIA STATEMENT
JOB VACANCIES LANDSCAPE IN MALAYSIA,
FIRST QUARTER OF 2022

JOB VACANCIES ADVERTISED ONLINE SOARED UP 76.4 PER CENT IN THE FIRST QUARTER OF 2022

PUTRAJAYA, 31 MAY 2022 - Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) published *Big Data Analytics Job Market Insights and My Job Profile: Job Vacancies Landscape in Malaysia*, for the first quarter of 2022. The quarterly released analysis, features statistics compiled based on job vacancies advertised online by several popular private recruitment portals. The analysis also provides information on job vacancies offered by employers online from various aspects such as job type, job profile, location, industry, skills, the field of studies and others.

Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, "The overall analysis of the big data shows an increase in the number of vacancies advertised online starting from the third quarter of 2020. In the first quarter of 2020, a total of 49,372 vacancies were advertised. Meanwhile in the first quarter of 2021, the vacancies advertised increased to 90,218 (82.7 per cent) and **soared up to 159,148 (76.4 per cent) in the first quarter of 2022**. However, the number of vacancies advertised for the first quarter of 2022 decreased 16.4 percentage points compared to 190,436 vacancies recorded in the fourth quarter of 2021. On a monthly basis for the first quarter of 2022, the number of vacancies advertised online was the highest in February 2022 at 67,172 vacancies. Meanwhile, for January and March, a total of 48,924 and 43,052 vacancies were advertised respectively".

Commenting further on the data analysis, Chief Statistician also stated, "In the first quarter of 2022, most employers required workers in the Professional Category (44.9 per cent) followed by Technicians and Associate Professionals (17.7 per cent) and Managers (11.3 per cent). By ranking, five (5) most popular jobs offered during the reference period were Advertising and Marketing Professionals, Administrative Associate Professionals, Managing Director and Chief Executive Officer, Accountant and Auditor and Software Developer".

Meanwhile from an economic perspective, the Wholesale and Retail Trade, Repair of Motor Vehicle and Motocycles sector became the main sector that contributed to the

job vacancies offered for job seekers in the first quarter of 2022. While, the other four (4) sectors with the highest job supply are the Manufacturing sector; Professional, Scientific and Technical Activities; Financial and Insurance/Takaful Activities as well as Accommodation and Food Service Activities.

Chief Statistician also said “The three (3) jobs in the Technical dan Vocational Education and Training (TVET) category that recorded the highest number of vacancies were Advertising and Marketing Professionals, Administrative Associate Professionals and Software Developer. Meanwhile, Advertising and Marketing Professionals, Managing Director and Chief Executive Officer as well as Accountants and Auditors were the highest Critical Occupation List (COL) category jobs advertised online during the reference period. In addition, popular jobs offered in the Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) category were Technician, Graphic Designer and Software Engineer”.


Observing the job vacancies by state in the first quarter of 2022, Federal Territory of Kuala Lumpur recorded the highest number of job vacancies at 42.7 per cent followed by Selangor (16.9 per cent), Johor (7.3 per cent), Penang (3.9 per cent) and Melaka (1.7 per cent).

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin concluded, “The analysis on the number of vacancies advertised online in the first quarter of 2022 shows the economy is still in a period of recovery in tandem with the transition from the pandemic to endemic phase. With this transition, all economic sectors and borders of the country have been opened in stages and expected to reduce the impact of the pandemic, revive the country’s economy and further create more job opportunities to be filled by job seekers”.

The big data analysis beneficial to users, especially job seekers. Job seekers can get detailed information on job offers advertised online in Malaysia through the website www.dosm.gov.my/bda-jmi and myjobprofile.dosm.gov.my.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

Chart 1: Job Vacancies Advertised Online for Third Quarter 2019 to First Quarter 2022



Note: The statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation as it is gathered via big data analytics (using web scraping techniques) and does not reflect the actual population of job vacancies.

Chart 2: Job Vacancies Advertised Online by type of Occupation, Fourth Quarter 2021 and First Quarter 2022




Note: The statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation as it is gathered via big data analytics (using web scraping techniques) and does not reflect the actual population of job vacancies.

Figure 1: Job Vacancies Advertised Online for STEM, TVET and COL for First Quarter 2022




Note: The statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation as it is gathered via big data analytics (using web scraping techniques) and does not reflect the actual population of job vacancies.

Figure 2: Job Vacancies Advertised Online by Sectors for First Quarter 2022



Note: The statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation as it is gathered via big data analytics (using web scraping techniques) and does not reflect the actual population of job vacancies.

Figure 3: Job Vacancies Advertised Online by States for First Quarter 2022



Note: The statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation as it is gathered via big data analytics (using web scraping techniques) and does not reflect the actual population of job vacancies.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN OF MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

31st FEBRUARY 2022